

JAN 2024 / BIL. 10 / 2024

EON

Epitome of Nature

K E S I H A T A N D A N K E S E J A H T E R A A N



MAJALAH PP BIOLOGI
UITMCNS

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

MENGAPA LUKA SAYA SUKAR SEMBUH?

Nur 'Ainun Mokhtar, Wan Nordini Hasnor Wan Ismail, Siti Nur Fadzilah Muhsain
Fakulti Farmasi, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam,
13200 Pulau Pinang, MALAYSIA

nurain2942@uitm.edu.my

EDITOR: DR. NOR'AISHAH BINTI ABU SHAH

Mungkin seringkali kita mengambil ringan tentang luka kita. Namun, pernah kah anda mengalami luka yang mengambil masa yang terlalu lama untuk sembuh? Jika sudah sebulan atau lebih, ia boleh menjadi petanda sesuatu yang lebih serius!

Apakah itu luka?

Luka adalah keadaan di mana kulit atau tisu badan

mengalami kerosakan akibat daripada kecederaan, penyakit, atau pembedahan. Luka boleh berlaku pada mana-mana bahagian badan dan terdapat pelbagai jenis, saiz, serta tahap keparahan. Secara amnya, luka akan sembuh dengan sendirinya dalam tempoh beberapa hari atau minggu, bergantung kepada tahap keparahan dan penjagaan yang diberikan. Namun, terdapat beberapa factor yang

boleh menghalang atau melambatkan proses penyembuhan luka. Luka yang tidak sembuh atau lambat sembuh boleh menyebabkan komplikasi seperti jangkitan, parut, atau kehilangan fungsi badan. Oleh itu, adalah penting untuk mengenalpasti punca-punca luka sukar sembuh dan petanda untuk mendapatkan rawatan profesional.


Bagaimana Luka Sembuh?

Kebiasaannya kulit kita berupaya untuk sembuh melalui proses biokimia yang kompleks tetapi sistematik merangkumi empat fasa utama, iaitu:

Fasa hemostasis: Fasa ini berlaku sebaik sahaja luka berlaku, di mana darah akan membeku untuk menghentikan pendarahan dan membentuk bekuan darah.

Fasa keradangan: Fasa ini berlaku dalam beberapa jam selepas luka berlaku, di mana badan akan menghantar sel-sel imun (mikrofaaj dan neutrophil) dan bahan kimia untuk melawan jangkitan dan membersihkan kotoran dari luka.

Fasa proliferasi: Fasa ini berlaku dalam beberapa hari atau minggu selepas luka berlaku, di mana tisu baru akan terbentuk untuk menggantikan tisu yang rosak dan membina semula kulit dan saluran darah.



Gambarajah 1: Fasa Penyembuhan Luka (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Fasa pematangan: Fasa ini berlaku dalam beberapa bulan atau tahun selepas luka berlaku, di mana tisu parut akan terbentuk dan menjadi lebih kuat dan elastik.

Jenis-Jenis Luka

Luka boleh dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu luka akut dan luka kronik. Luka akut adalah luka yang berlaku secara tiba-tiba dan biasanya disebabkan oleh kecederaan seperti luka tikam, luka bakar, atau luka gigitan.

Luka kronik pula adalah luka yang tidak sembuh atau lambat sembuh dalam tempoh tiga bulan atau lebih. Luka kronik biasanya disebabkan oleh penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, atau ulser. Luka kronik tidak mempunyai proses penyembuhan yang jelas dan boleh berulang atau bertambah teruk. Luka kronik boleh menyebabkan kesakitan, bau, nanah, atau perdarahan yang sukar dikawal.

Penyebab Luka Lambat Sembuh

Terdapat beberapa faktor yang boleh menghalang atau melambatkan proses penyembuhan luka, antaranya:

Bila saya perlu berjumpa doktor?

Anda perlu mendapatkan rawatan profesional berkenaan luka anda jika mengalami salah satu daripada situasi berikut:

- Luka tidak menunjukkan tanda-tanda penyembuhan dalam tempoh dua minggu atau lebih.
- Luka menjadi lebih besar, lebih dalam, atau lebih luas.



Gambar 1: Luka yang tidak sembuh dengan baik boleh mengakibatkan komplikasi serius (Sumber: Website Lane Regional Medical Center)

- Timbul rasa kesakitan, bau, nanah, atau perdarahan yang sukar dikawal.
- Kulit di sekelilingnya kawasan luka menjadi kering, pecah, atau berwarna merah, biru, atau hitam.
- Terdapat bengkak, rasa berdenyut, atau kepanasan pada bahagian yang terjejas.
- Mengalami demam, menggigil, atau rasa tidak sihat.

Jangan berlengah!

Adalah penting untuk memastikan luka dapat sembuh dalam tempoh yang munasabah. Sekiranya luka anda terdapat tanda-tanda mengalami luka kronik, hendaklah segera mendapatkan rawatan kerana komplikasi luka amat memeritkan dan boleh melibatkan kos yang lebih tinggi. Disamping itu, walaupun secara kebiasaan masalah luka tidak memerlukan rawatan di hospital, komplikasi luka mampu mengakibatkan kelumpuhan dan kematian.

Penyebab Luka Lambat Sembuh

<p>Pesakit kronik</p> <p>Penghidap penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi serta pesakit HIV lebih menghadapi kesukaran untuk penyembuhan luka yang baik.</p>	<p>Jangkitan Kuman</p> <p>Jangkitan bakteria, kulat dan parasit meningkatkan keradangan di kawasan luka dan mengakibatkan luka lambat sembuh</p>	<p>Kekurangan nutrien</p> <p>Kekurangan nutrien membantutkan proses pertumbuhan sel baru untuk menggantikan sel yang rosak akibat luka.</p>
<p>Stress</p> <p>Stres boleh menyebabkan luka sukar sembuh kerana meningkatkan tahap hormon kortisol, yang boleh mengurangkan pembentukan tisu baru, kolagen, dan antibodi.</p>	<p>Merokok</p> <p>Merokok boleh menyebabkan luka sukar sembuh kerana mengurangkan aliran darah, oksigen, dan nutrien ke kawasan luka</p>	<p>Cara penjagaan yang salah</p> <p>Penggunaan bahan yang tidak bersih, tidak menukar pembalut, atau menggunakan ubat yang tidak sesuai boleh meningkatkan risiko jangkitan dan keradangan</p>